

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 [RABU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status rancangan pembinaan rumah PPR di Pekan Melalap Tenom.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berhubung status pembinaan rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) di Pekan Baru Melalap Tenom, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengemukakan permohonan cadangan projek tersebut kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebagai salah satu cadangan projek baharu untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) *Rolling Plan 1, 2021*. Walau bagaimanapun, permohonan ini adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan pihak EPU dan Kementerian Kewangan Malaysia.

2. Untuk makluman Yang Berhormat seterusnya, projek ini akan dikenali sebagai Program Rumah Malaysia (Sewa) Pekan Baru Melalap, Tenom, Sabah selaras dengan polisi Kementerian di mana pelaksanaan projek PPR baharu di bawah RMKe-12 akan dikenali sebagai Program Rumah Malaysia (Sewa).

Sekian, terima kasih.